

# MCA dapat lampu hijau ambil Nanyang Press

UM 22 JUN 2001

KUALA LUMPUR 21 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi lampu hijau kepada MCA untuk mengambilalih Nanyang Press Holdings Berhad.

Perdana Menteri berkata, MCA bagaimanapun diminta menjual sebahagian daripada sahamnya dan tidak memiliki keseluruhannya.

“Saya memberi lampu hijau kepada Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik untuk ambil alih Nanyang.

“Tetapi saya juga mengingatkan supaya menjual sebahagian daripada sahamnya dan tidak memiliki keseluruhannya,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam sidang akhbar pada akhir hari pertama Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau diminta mengulas lanoran sebuah akhbar berbahasa Cina bertajuk *Perdana Menteri setuju MCA mengambil alih Nanyang.*

Akhbar itu memetik Dr. Ling sebagai berkata, Dr. Mahathir selepas mesyuarat kabinet semalam menyatakan beliau menyerahkan keputusan pembelian Nanyang itu untuk ditentukan oleh MCA sendiri.

Perdana Menteri berkata, dalam hubungan ini, undang-undang tidak menghalang mana-mana parti politik membeli kepentingan sesebuah akhbar.

Menurutnya, “sesebuah parti politik berhak berbuat demikian termasuk parti MCA berhubung pembelian Nanyang.

Namun begitu kata beliau, pembelian kepentingan sesebuah akhbar itu kemungkinan mendapat reaksi tertentu daripada orang ramai.

Dr. Mahathir berkata, reaksi tersebut termasuk daripada mereka yang tidak ber-

setuju dengan pembelian seumpama itu.

“Parti politik berhak membeli kepentingan sesebuah akhbar kerana undang-undang tidak menghalang untuk berbuat demikian.

“Bagaimanapun, mungkin ada pihak yang tidak senang dengan pembelian tersebut,” katanya.

Kontroversi membabitkan pengambilalihan Nanyang yang menerbitkan akhbar *Nanyang Siang Pau* dan China Press, oleh Huaren Holdings telah menimbulkan perselisihan antara pemimpin parti dan masyarakat Cina.